

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 DECEMBER 2016

Sebagai peneraju industri keselamatan makanan – PM

Transformasi Felcra

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 DIS.

SELEPAS 50 tahun penubuhannya, Felcra Berhad (Felcra) akan ditransformasikan agar muncul sebagai peneraju industri keselamatan makanan di samping mengekalkan kelestariannya dalam bidang-bidang teras sedia ada.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan perancangan masa depan Felcra berkata, dengan kekuatan yang ada pada agensi itu, Felcra berupaya untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada import bahan makanan.



Saya percaya dengan kekuatan yang ada pada Felcra boleh menyumbang dengan ketara hasrat mengurangkan import makanan selain dapat menghasilkan produk makanan secara lebih sistematik dan efisien."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Jelasnya, nilai import makanan negara untuk tahun lalu sahaja melebihi RM45.4 bilion dan jumlah berkenaan dijangka terus meningkat setiap tahun sekali gus menjadikan kewujudan peneraju dalam

industri keselamatan makanan sebagai keperluan mendesak.

"Itu satu jumlah yang besar dan berdasarkan hakikat tersebut, kerajaan mahu Felcra menjadi salah satu penyumbang utama ke-

pada industri keselamatan makanan negara, khususnya dalam bidang pengeluaran ayam dan daging halal.

"Saya percaya dengan kekuatan yang ada pada Felcra boleh menyumbang dengan ketara hasrat mengurangkan import makanan selain dapat menghasilkan produk makanan secara lebih sistematik dan efisien," katanya semasa berucap sempena sambutan 50 tahun penubuhan Felcra di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kemaajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Timbalannya, Datuk Alexander Nanta Linggi dan Pengerusi Felcra, Datuk Seri Bung Moktar Radin.

Dalam pada itu, Najib turut me-

maklumkan bahawa Felcra akan menjalinkan kerjasama dengan Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. bermula awal tahun depan bagi menerokai secara bersama bidang utama dalam sektor pertanian.

Antara bidang tersebut jelas beliau ialah pembekalan input pertanian; pengurusan, perkhidmatan serta khidmat nasihat perladangan; perkhidmatan makmal penyelidikan dan pembekalan atau sewa beli jentera perladangan.

Perdana Menteri menambah, kerjasama serupa dengan Universiti Malaysia Perlis (Unimap) juga akan dijayakan bagi membolehkan Felcra menerokai industri mangga Harumanis yang menjanjikan pulangan lumayan kepada

para peserta.

Selain itu, beliau menjelaskan banyak lagi agenda yang akan dilakukan kerajaan untuk peserta, khususnya dalam soal tanggungjawab sosial seperti pembinaan rumah untuk generasi kedua dan juga pengurangan bayaran balik 20 peratus bagi anak Felcra yang meminjam daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Sudah tentu dalam tempoh 50 tahun ini, pelbagai suka duka serta pahit maung telah dilalui seluruh keluarga besar Felcra dari mula dilahirkan, waktu bertatih dan hingga seperti hari ini yang mana telah mencapai kejayaan cemerlang," katanya.

UM-21/12/2016